

# Nik Aziz beri amaran SAR jangan hasut benci pemimpin

UM 2 NOV 201

KOTA BHARU 1 Nov. — Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata, kerajaan negeri akan mengambil tindakan terhadap sekolah agama rakyat yang mengajar muridnya membenci pemimpin-pemimpin negara jikalau terdapat bukti mengenainya.

Sehubungan itu, beliau menggesa Kerajaan Pusat mengemukakan bukti mengenai pembabitan sekolah-sekolah berkenaan bagi membolehkan kerajaan negeri mengambil tindakan terhadap mereka.

Katanya, Kerajaan Pusat tidak boleh membuat dakwaan tanpa mengemukakan bukti siapa yang melakukannya kerana ia ibarat 'seekor kerbau membawa lumpur, habis tercalit semuanya'.

"Apa buktinya. Siapa dia. Kalau ada orangnya, kami boleh ambil tindakan. Dia boleh tunjuk orang A ke B, kami boleh ambil tindakan kerana apa dia pandai-pandai mengadakan benda yang tidak ada dalam kurikulum," katanya di sini hari ini.

## Kuliah

Nik Aziz ditemui pemberita selepas mengadakan kuliah agama mingguan di hadapan bangunan Ibu Pejabat Pas Kelantan di sini.

Beliau mengulas tindakan Kerajaan Pusat menghentikan sementara bantuan perkapita untuk semua Sekolah Agama Rakyat (SAR) berikutan tindakan sesetengah sekolah terbabit menyalahgunakannya bagi tujuan politik.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sebelum ini berkata, keputusan itu dibuat bagi membolehkan kerajaan mengkaji status sekolah berkenaan dan memastikan ia benar-benar mengajar agama.

Perdana Menteri tidak menyatakan jumlah bantuan serta sekolah terbabit tetapi berkata, kerajaan mendapati ada pelajar SAR diajar membenci pemimpin.